


Kerajaan laksana PKPD di lapan daerah di Selangor, 14 lokaliti di Kuala Lumpur

6.7 juta penduduk dikurung 14 hari

KOSMO (02/07/2021) M15 02

Oleh RASDAN AHMAD



SEORANG anggota tentera melakukan rondaan di kawasan perumahan di Jalan Kubur, Pantai Dalam, Kuala Lumpur yang dikenakan PKPD.

PETALING JAYA – Lebih 6.7 juta penduduk di seluruh Selangor dan sebahagian Kuala Lumpur diperintah 'berkurung' di rumah untuk tempoh 14 hari selepas kerajaan memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa buah daerah dan lokaliti berkuat kuasa esok.

Keputusan itu diumumkan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam satu kenyataan semalam dan memaklumkan pelaksanaan PKPD itu akan berkuat kuasa sehingga 16 Julai nanti.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) telah membuat pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai situasi Covid-19 di kedua-dua negeri itu yang mana telah menunjukkan trend jangkitan yang tinggi.

"Selangor melaporkan purata kes harian Covid-19 antara 1,800 ke 1,900 kes, manakala di Kuala Lumpur, purata kes harian adalah dalam lingkungan 600 ke 1,000 kes.

"Kesemua daerah di Selangor dan Kuala Lumpur juga melaporkan kes Covid-19 melebihi 12.1/100,000 penduduk.

"Data unjuran kadar nilai kebolehjangkitan (R-naught) di kedua-dua negeri ini masih dalam lingkungan 1.0 dan tidak menun-

jukkan trend penurunan," kata Ismail Sabri.

Lebih membimbangkan katanya, situasi tersebut dibuat selepas mengambil kira kepadatan penduduk dan penularan tiga varian baharu yang lebih ganas iaitu varian Beta B.1.351 (Afrika Selatan), Delta B.1.617.2 (India) dan Alpha B.1.1.7 (United Kingdom).

Menurut beliau, lapan daerah dalam Selangor yang dikenakan PKPD ialah Petaling, Hulu Langat, Sepang, Gombak, Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor membabitkan sebanyak 34 buah mukim.

"Bagi Kuala Lumpur pula, ia

melibatkan 14 lokaliti antaranya Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Semarak, PPR Batu Muda, Flat Seksyen 2 Wangsa Maju dan Flat Seksyen 1 Wangsa Maju," tambahnya.

"Dengan pelaksanaan PKPD ini, semua laluan kawasan PKPD akan ditutup dan dikawal oleh Polis DiRaja Malaysia.

"Semua penduduk di dalam kawasan PKPD tidak dibenarkan keluar dari kediaman masing-masing kecuali seorang sahaja wakil isi rumah untuk membeli keperluan asas di dalam radius 10 kilometer dari kediaman.

"Kementerian Kesihatan akan melaksanakan ujian saringan se-

Kawasan dikenakan PKPD

KUALA LUMPUR

- PPR Batu Muda
- Kampung Padang Balang
- Flat Sri Sabah
- Kampung Puah
- PPR Kampung Baru Air Panas
- Flat Desa Pandan (Termasuk Baiduri & Delima)
- Kampung Batu Muda
- PPR Kerinchi
- Flat Seksyen 1 Wangsa Maju
- Flat Danau Kota
- Taman Ikan Emas
- Bandar Baru Sentul

SELANGOR

Daerah Petaling

- Mukim Petaling
- Mukim Damansara
- Mukim Sungai Buloh
- Mukim Bukit Raja

Daerah Hulu Langat

- Mukim Ampang
- Mukim Cheras
- Mukim Kajang
- Mukim Semenyih
- Mukim Beranang
- Mukim Hulu Langat

Daerah Sepang

- Mukim Dengkil

- Mukim Labu
- Mukim Sepang

Daerah Gombak

- Mukim Batu
- Mukim Rawang
- Mukim Setapak
- Mukim Hulu Langat
- Mukim Kuang

Daerah Kuala Langat

- Mukim Tanjung 12 (1)
- Mukim Tanjung 12 (2)
- Mukim Teluk Panglima Garang
- Mukim Morib
- Mukim Bandar
- Mukim Jugra
- Mukim Batu

Daerah Klang

- Mukim Kapar
- Mukim Klang

Daerah Kuala Selangor

- Mukim Ijok
- Mukim Bestari Jaya
- Mukim Jeram
- Mukim Tanjung Karang

Daerah Hulu Selangor

- Mukim Serendah
- Mukim Rasa
- Mukim Ulu Yam
- Mukim Batang Kali

cara bersasar ke atas semua penduduk di kawasan-kawasan yang terlibat," jelasnya.

Untuk rekod, kes jangkitan harian mencatat peningkatan mendadak sejak tiga hari lalu apabila merekodkan kes melebihi 6,000 dengan Selangor dan Kuala Lumpur menjadi penyumbang kepada pertambahan kes hampir setiap hari.

Peningkatan kes itu berlaku ketika negara berada pada fasa *total lockdown* yang dilaksanakan sejak 1 Jun lalu, sekali gus menimbulkan reaksi kurang senang dalam kalangan rakyat.

Antara isu yang dibangkitkan ialah desakan agar kerajaan melaksanakan sekatan lebih ketat selain menutup operasi kilang selama dua minggu.